



**KENYATAAN AKHBAR
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PASUKAN PETUGAS KHAS DENGGI DAN
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 26 tahun 2014 (22 – 28 Jun 2014)**

Peningkatan tren kes denggi yang berterusan sejak 9 minggu kebelakangan iaitu bermula dari awal bulan Mei 2014 sehingga kini, diberi perhatian serius oleh kerajaan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memaklumkan satu Pasukan Petugas Khas Denggi akan ditubuhkan untuk melaksanakan langkah-langkah yang lebih berkesan bagi menangani peningkatan kes dan wabak denggi di negara ini.

Peningkatan kes denggi disebabkan oleh berbagai faktor seperti persekitaran yang tidak bersih, perubahan serotaip virus denggi, faktor pergerakan manusia, perubahan cuaca, urbanisasi dan aktiviti kawalan bagi mengawal transmisi jangkitan. Penubuhan Pasukan Khas ini akan membantu Kementerian Kesihatan untuk menangani isu-isu denggi yang diluar bidang kuasa KKM seperti pengurusan sampah, pengurusan tapak binaan yang melibatkan pihak kontraktor atau pemaju, struktur bangunan yang menjadi tempat pembiakan Aedes dan sistem perparitan yang tidak diselenggara. Oleh itu, penglibatan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Kerja Raya serta Kementerian lain adalah bertepatan sekali.

Bagi tujuan itu, satu Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan Mengenai Denggi kali kedua akan diadakan pada 14 Julai 2014 yang akan dipengerusikan oleh Y.A.B Timbalan Perdana Menteri yang akan melibatkan pelbagai Kementerian termasuk Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi lain. Mesyuarat seperti ini pernah diadakan pada 20 September 2010 yang lalu, semasa wabak denggi yang berlaku pada tahun tersebut.

Pada minggu lepas sejumlah 2,289 kes dengan 3 kematian denggi telah dilaporkan di seluruh negara, iaitu meningkat 13 % (268 kes) berbanding 2,021 kes yang dilaporkan pada minggu sebelumnya. Bagi tempoh bulan Januari sehingga 28 Jun 2014, sebanyak 44,518 kes denggi dilaporkan, iaitu meningkat 246% atau 31,660 kes berbanding tempoh yang sama tahun 2013 iaitu 12,858 kes. Bagi tempoh sama, sejumlah 85 kematian telah dilaporkan di seluruh negara berbanding hanya 27 kematian bagi tempoh yang sama tahun sebelumnya, peningkatan sebanyak 215% (58 kematian).

Kementerian Kesihatan menyarankan kepada semua individu, masyarakat dan agensi-agensi lain untuk mengamalkan dan melaksanakan perkara berikut:

- i) Setiap individu dan masyarakat perlu menjalankan aktiviti 'cari dan musnah' tempat pembiakan Aedes disekitar kediaman masing-masing seminggu sekali.
- i) Masyarakat juga perlu mengamalkan kaedah perlindungan diri seperti memakai baju berlengan panjang dan seluar panjang, menggunakan repelan bagi mencegah gigitan nyamuk Aedes,

mengelakan menjalankan aktiviti diluar terutama di waktu jam 5 hingga 7 pagi dan 5 hingga 7 petang, semasa nyamuk aktif menggigit.

- ii) Mengguna semburan aerosol untuk menghapuskan nyamuk aedes di dalam rumah terutama pada waktu nyamuk aktif menggigit.
- iii) PBT hendaklah memastikan persekitaran awam adalah bersih dan pengurusan kutipan sampah diuruskan secara berjadual sekurang-kurangnya 3 kali seminggu.
- iv) PBT meningkatkan aktiviti pembersihan di kalangan komuniti serta bersama agensi lain.
- v) Setiap individu dan masyarakat dinasihatkan supaya menjaga kebersihan persekitaran dan tidak membuang sampah merata-rata.

Bagi Pengamal Perubatan terutamanya dari pihak swasta adalah di minta untuk membuat pemeriksaan terhadap pesakit yang demam dengan teliti dan menjalankan ujian pengesahan bagi kes yang disyaki denggi. Pengesanan awal denggi dapat menyelamatkan pesakit dari mengalami komplikasi dan tindakan kawalan dapat dilaksanakan dengan segera oleh pihak Kementerian Kesihatan dan PBT.

YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

2 Julai 2014

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 26/2014
(22 hingga 28 Jun 2014)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 26/2014	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 26/2013
		Minggu 26 (22 – 28 Jun 2014)	Minggu 25 (15 – 21 Jun 2014)		
1	Perlis	9	9	100	114 (1)
2	Kedah	42	60	546 (4)	408 (1)
3	P. Pinang	46	43	924 (3)	336 (2)
4	Perak	168	112	2,834 (7)	934
5	Selangor	1,208 (2)	1,038 (2)	25,405 (35)	5,600 (6)
6	WPKL & Putrajaya	175 (1)	179	3,803 (7)	1,065 (6)
7	N. Sembilan	106	132	2,240 (3)	294
8	Melaka	66	49	1,256 (4)	241 (1)
9	Johor	134	110 (2)	2,524 (14)	1,660 (7)
10	Pahang	48	31	614	269
11	Terengganu	9	19	382 (1)	147
12	Kelantan	208	167	2,589 (4)	657
13	Sarawak	43	41	674 (2)	786 (2)
14	Sabah	27	31	616 (1)	343 (1)
15	WP Labuan	0	0	11	4
	MALAYSIA	2,289 (3)	2,021 (4)	44,518 (85)	12,858 (27)

Nota: () Kematian

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Lampiran B

SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" SEHINGGA 28 JUN 2014 (Minggu 26)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7E B Pusat Komersial (Jln AA7/AA & AC7/AC & Jln U7/U - Z7/Z)	105	274
2	SELANGOR	Hulu Langat	Grandner Tower Pandan Indah	34	127
3	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (Apartment Perdana)	31	123
4	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Seri Cempaka Seksyen 16 Bandar Baru Bangi	28	112
5	SELANGOR	Gombak	Kip Sg Pusu	25	103
6	SELANGOR	Petaling	SS 7 Kelana Puteri Kondo	39	86
7	SELANGOR	Petaling	Seksyen 15 (Dataran Automobil)	25	82
8	SELANGOR	Petaling	PJU 1A Ara Damansara	51	82
9	SELANGOR	Gombak	Apartment Residensi Bistaria	76	74
10	SELANGOR	Petaling	PJU 8 (Perdana Exclusive Kondo)	36	73
11	N. SEMBILAN	Seremban	Taman Sri Kamban	11	72
12	SELANGOR	Petaling	PJU 9 SD 13 Apartment Sri Meranti 2 (Blok H,K,L,M,N,P,Q,R)	25	72
13	SELANGOR	Petaling	Taman Universiti Indah 1 (Jalan Indah 1/1 - 1/12)	17	69
14	SELANGOR	Petaling	USJ 9/2, 9/3A - 9/3E (Teres)	23	68
15	SELANGOR	Gombak	Taman Melawati J Zon 2	15	67
16	SELANGOR	Petaling	Seksyen 15 Dataran Automobil (Zon D Blok 11 - 18)	21	67
17	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat C (Blok 44 - Blok 51)	10	67
18	N. SEMBILAN	Seremban	Taman Bukit Kepayang Fasa 2	26	66
19	SELANGOR	Petaling	PJU 8 Apartment Flora Damansara 1 (Blok A ,B)	18	66
20	SELANGOR	Gombak	Apartment Casmaria	17	63
21	SELANGOR	Petaling	PJU 8 Perdana Condo	23	62

22	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Taman Bukit Segar	10	61
23	SELANGOR	Petaling	PJS 9 (Teres 9/2 - Pjs 9/30)	15	56
24	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Impian Jaya Saujana Impian	17	55
25	SELANGOR	Petaling	Taman Puchong Perdana (Jln Teratai)	15	54
26	SELANGOR	Petaling	Seksyen 27 Flat F	11	53
27	SELANGOR	Petaling	PJU 3 Kondo Palm Spring 2 (Blok D, E,& F)	15	53
28	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Taman Asa Jaya	10	52
29	SELANGOR	Petaling	PJU 10 Apartment Lestari	12	52
30	SELANGOR	Petaling	Taman Puchong Permai (Blok A1 - A9)	10	50
31	KELANTAN	Kota Bharu	Pulau Melaka	28	50
32	SELANGOR	Petaling	Taman Pinggiran Usj 1 (Teres)	21	48
33	SELANGOR	Gombak	Apartment Rosewood	15	48
34	SELANGOR	Hulu Langat	Permai Putera Condo Taman Dato Ahmad Razali	11	48
35	SELANGOR	Petaling	Seksyen 9 (Kemuncak Kondo)	21	48
36	N. SEMBILAN	Seremban	Kg Baru Sikamat	12	47
37	KELANTAN	Kota Bharu	Taman Kenangan	23	47
38	N. SEMBILAN	Seremban	Garden Avenue	8	46
39	SELANGOR	Hulu Langat	Batu 10 Cheras	6	46
40	SELANGOR	Gombak	Sierramas Sg Buloh	14	45
41	SELANGOR	Gombak	Tmn Beverly Heights	17	45
42	SELANGOR	Hulu Langat	Permai Puteri Condo Taman Dato Ahmad Razali	11	45
43	SELANGOR	Hulu selangor	Apartment Seri RosS 1 Bs	8	45
44	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 1&3 Taman Sri Jelok	14	44
45	SELANGOR	Hulu Selangor	Lokaliti 3 Bdr Baru Btg Kali	20	44
46	SELANGOR	Petaling	PJU 5 Seksyen 4	9	44
47	SELANGOR	Klang	T.S (Jln Hulu Balang 10)	11	44
48	SELANGOR	Gombak	Kg Setia Kuang	8	42
49	SELANGOR	Klang	Apartment Pelangi Height	15	42
50	SELANGOR	Klang	T.S (Lrg Bendahara 14B)	6	42
51	SELANGOR	Petaling	SS 14/6	5	41
52	SELANGOR	Gombak	Kg Simpang 3	14	41

53	SELANGOR	Petaling	Seksyen 8 Teres A	5	41
54	SELANGOR	Petaling	Taman Bukit Serdang 5 (Jln Bs 5/11 - 5/20)	8	40
55	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat A (Blok 1 - Blok 12 & Blok 38 - Blok 43)	8	39
56	SELANGOR	Petaling	PJS 2B Flat Desa Mentari (Blok 9,10)	9	39
57	SELANGOR	Petaling	Taman Bukit Serdang 5 (Aman Height)	12	38
58	N. SEMBILAN	Seremban	Taman Thivy Jaya	9	38
59	SELANGOR	Gombak	Apartment Fiona	13	38
60	SELANGOR	Hulu Selangor	Taman Cempaka	16	38
61	SELANGOR	Petaling	Bandar Kinrara 3 (Teres)	8	38
62	SELANGOR	Petaling	Taman Tasik Prima 4	7	37
63	KELANTAN	Kota Bharu	Demit Darat	13	37
64	SELANGOR	Petaling	Taman Puchong Intan 2	9	36
65	SELANGOR	Petaling	Ss 3	6	36
66	SELANGOR	Gombak	Bt 8 Gombak	6	36
67	SELANGOR	Petaling	Seksyen 5 Kondo Tower Maxwell	11	35
68	SELANGOR	Petaling	Ss 1	9	34
69	N. SEMBILAN	Seremban	Taman Coral Height	12	34
70	KELANTAN	Kota Bharu	Telaga Gajah	10	34
71	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Taman Dagang	4	34
72	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Suakasih 2 Bandar Tun Hussin Onn	10	34
73	SELANGOR	Hulu Langat	Evergreen Scot Pine Bandar Sungai Long	5	33
74	SELANGOR	Hulu Selangor	Apartment Teratai Tbr Bb	13	33
75	SELANGOR	Petaling	Seksyen 20 Teres F	4	33
76	SELANGOR	Petaling	Pju 8 Apt Flora Damansara 2 (Blok C, D, E, F)	6	33
77	SELANGOR	Petaling	Taman Lestari Putra 5	5	32
78	SELANGOR	Petaling	Taman Pinggiran Putra 1 (Pangsapuri Cemara)	6	32
79	SELANGOR	Petaling	Taman Serdang Perdana Sek 3 (East Lake Residence)	6	32
80	SELANGOR	Gombak	Sri Maya Condo	5	32

81	SELANGOR	Klang	Kg Jawa (Jalan Raja Nong)	6	32
82	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 Kg Saas (Zon 2)	6	32
83	SELANGOR	Petaling	SS 2 (Kwarters Bomba)	9	31
84	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Teres B Zon B (Jln 7/24 - 7/27)	4	31